

28/11/2003

Penukaran 4 pemimpin agenda rampas Kelantan

Zulkifli Md Ali

SEBAIK Majlis Tertinggi (MT) Umno mengumumkan senarai Jawatankuasa Penaja Umno bagi 191 bahagian, termasuk 26 bahagian baru di seluruh negara Sabtu lalu, seperti dijangka pelbagai reaksi muncul termasuk kekecewaan khususnya mereka yang digugurkan dan bagi yang dilantik, gembira sambil diiringi ucapan tahniah.

Ada yang mengadakan majlis kesyukuran walaupun ringkas dan tidak kurang juga mengurungkan diri, kemurungan enggan berjumpa masyarakat walaupun dengan penyokong kuat sendiri.

Tidak kurang yang ketika keputusan dibuat berada di kawasan dengan program tersendiri seperti majlis penyampaian zakat dan derma kepada fakir miskin, tiba-tiba mempercepatkan program selain membatalkan program lain, malah ada menukar tiket penerbangan kepada jadual lebih awal untuk pulang segera ke Kuala Lumpur.

Tidak terkecuali mematikan telefon bimbit kerana tidak mahu diganggu rakan taulan, penyokong serta wartawan yang ingin bertanya khabar, memberi kata-kata perangsang, nasihat supaya bersabar dan komen rentetan pengumuman itu.

Menjawab panggilan telefon, seorang daripada empat ketua Umno bahagian dari Kelantan yang digugurkan mempertikaikan mengapa namanya digugurkan.

"Apa salah saya... cuba awak periksa. Saya ada skandal ke? Saya ada kes rasuah ke atau saya ada kes nikah di Thailand ke?," persoalan tokoh yang tidak asing dengan sikap keterbukaan apabila berhujah dan cakap lepas itu.

"Dia orang tu sebenarnya cemburu, iri hati bimbangkan populariti saya membayangi mereka. Ini kerana apa yang saya lakukan mendapat sokongan, selain dikaitkan dengan tokoh tertentu hingga kononnya boleh menjejaskan masa depan mereka.

"Ini jawatan dipilih majoriti ahli Umno bahagian. Saya rasa dihina, dizalimi... bayangkan pada 27 Ramadan ini ketika umat Islam hendak menyambut Aidilfitri, saya bersedih bersendirian," katanya.

Ditanya apa yang hendak dilakukan selepas ini, beliau berkata: "Tengoklah dulu, saya hendak rehat dulu dalam politik. Biar saya tenangkan fikiran dan perasaan. Bila dah okey, saya tengoklah apa yang rakan dan penyokong suruh saya buat. Kita sebagai pejuang... pasti akan sentiasa berada dalam perjuangan sampai bila-bila.

"Politik tidak ubah seperti gotong-royong. Kalau ada orang mengajak saya bergotong-royong menjayakan sesuatu, saya mungkin sama-sama bergotong-royong.

"Yalah, orang sana mungkin perlukan saya, sebab orang di sini dah tidak perlukan khidmat saya." Itulah antara reaksi spontan tokoh politik yang bersedih mengenangkan nasib nama digugurkan.

Kelantan adalah negeri paling ramai ketua Umno bahagian digugurkan dengan tiga daripadanya digantikan timbalan. Mereka ialah Ketua Bahagian Kubang Kerian, Tuan Mohamad Hashim Tuan Yaacob digantikan Datuk Ahmad Rosli Ibrahim, Ketua Bahagian Bachok, Datuk Shahbuddin Mohd Noor (Datuk Dr Awang Adek Hussin) dan Ketua Bahagian Pasir Mas, Datuk Paduka Ibrahim Ali (Datuk Rahim Abdul Rahman), manakala Datuk Romzi Abd Rahman menggantikan Datuk Wan Zaid Wan Abdullah di Bahagian Kuala Krai.

Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengadakan sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT berkenaan berkata, perubahan itu dibuat dengan mengambil kira betapa perlunya kekuatan parti dipertingkatkan, jentera pilihan raya yang ada pada waktu

ini disusun dan diaktifkan lagi.

Beliau berkata, Kelantan mengalami paling banyak perubahan ketua bahagian dengan mengambil kira negeri itu diperintah oleh pembangkang dan perlu perubahan bagi memantapkan lagi jentera parti.

Sebenarnya perubahan yang berlaku dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan bukan sekali sejak kalah dalam tiga pilihan raya hingga 1999 kerana ketika Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan ke Kelantan pada 16 Januari lalu, beliau turut melakukan rombakan jawatan penting membabitkan timbalan pengerusi, bendahari, setiausaha dan ketua penerangan.

Bagi pemerhati politik, soal perubahan itu perlu dilakukan walaupun ia berlaku dalam tempoh 11 bulan antara yang dilakukan Dr Mahathir dengan Abdullah, bertujuan memantapkan pentadbiran Umno serta mengotakan janji merampas tampuk pemerintahan daripada Pas yang menerajui pentadbiran negeri sejak lebih 13 tahun lalu.

Soal kepentingan individu perlu diketepikan dan contoh perubahan kuasa yang berjalan lancar jawatan Perdana Menteri antara Dr Mahathir kepada Abdullah perlu diteladani.

Tokoh yang dikemukakan bukan sembarangan kerana masing-masing memang sudah lama bergelumbang dengan politik dan dianggap sudah cukup masak, cuma kalau nak dikatakan baru pun antara empat tokoh itu mungkin Dr Awang Adek.

Bagaimanapun, Dr Awang Adek sudah diberi kepercayaan dua kali dalam politik, pertama apabila Dr Mahathir melantik beliau sebagai bendahari pada 16 Januari lalu dan kini dilantik pula pengerusi penaja bahagian Bachok.

Selain Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Dr Awang Adek sudah cukup masak dengan sistem kewangan negara apabila pernah menjadi Timbalan Gabenor Bank Negara.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berpendapat keputusan MT menggugurkan empat ketua bahagian daripada senarai jawatankuasa penaja negeri itu adalah satu perubahan yang dapat meningkatkan lagi jentera Umno negeri.

"Umno Kelantan juga akur dengan keputusan yang dibuat demi kebaikan dan masa depan Umno negeri. Umno Kelantan percaya ia adalah suatu langkah yang boleh meningkatkan lagi kepercayaan rakyat Kelantan kepada Umno," katanya.

Ahli Umno tanpa mengira siapa atau pada kedudukan mana sekali pun, perlu menerima hakikat bahawa perubahan itu setidak-tidaknya dapat membantu usaha memenangi hati rakyat yang mahukan perubahan, seterusnya menang pilihan raya umum akan datang.

Pepatah menyebut, "kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai" samalah dengan jika takutkan perubahan dan takut digugurkan, usahlah bergiat dalam politik.

Mereka sepatutnya menerima keputusan itu dengan hati terbuka untuk kebaikan parti, soal individu dan peribadi perlu diketepikan, sebaliknya terus bekerja kuat untuk parti mencapai kemenangan di Kelantan, seperti diidam-idamkan Umno.

Ketua Penerangan Umno Kelantan, Md Alwi Che Ahmad, berpendapat keputusan MT itu adalah yang paling wajar mengikut pandangan barisan kepemimpinan sedia ada. Bagi beliau ia membuktikan Umno Pusat memandang serius senario politik Kelantan yang rata-rata rakyatnya mahu melihat perubahan dan itu adalah baru peringkat pertama dan banyak lagi mungkin menyusul.

"Ia dibuat selepas mengambil kira, pertimbangan terbaik dengan menilai setiap aspek buat masa ini. Soal individu tidak timbul. Ini mungkin giliran orang lain, mungkin selepas ini giliran saya pula. Atau mungkin pejuang politik lain.

"Berjuang dalam politik memang begini keadaannya. Ibarat roda. Sekejap kita di atas dan mungkin pusingan berikutnya kita di bawah pula. Ini baru

peringkat penajaan. Selepas pilihan raya nanti, jika individu yang ingin kembali kepada kedudukan asal dan pasti mempunyai sokongan, bolehlah bertanding pada pemilihan peringkat bahagian tahun depan.

"Saya harap, pemimpin serta penyokong bahagian berkaitan dapat menerima perubahan ini. Agenda Umno Kelantan untuk merampas tampuk pemerintahan Pas perlu diteruskan," katanya.

Beliau berkata, fokus sekarang ialah memberi penjelasan kepada rakyat Kelantan mengenai kelemahan Pas mentadbir negeri Serambi Makkah bermula daripada memungkiri janji, penyelewengan urusan tanah, kegagalan membawa pembangunan, gagal menyediakan peluang pekerjaan, menamatkan semangat kebencian sesama sendiri menerusi pendidikan agama, mengutamakan kepentingan peribadi melebihi kepentingan masyarakat dan banyak lagi.

Md Alwi berpendapat 'rehat sekejap' yang dibuat MT terhadap empat tokoh itu ada iktibarnya. Mungkin sekarang orang melihat kita perlu digantikan bagi memantapkan urusan bahagian, menghadapi pilihan raya dan selepas melakukan muhasabah diri, akan wujud kesedaran dalam diri yang seterusnya diperbaiki serta mampu menerajui kepemimpinan bahagian dengan lebih gemilang.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Mat Nawawi Mat Jusoh, pula mahukan tokoh yang digugurkan bersabar, sebaliknya bergabung tenaga memperkuatkan agenda bahagian, memberi sokongan padu, elakkan perpecahan yang boleh membinasakan perjuangan yang bertunjangan bangsa, agama dan negara; bersemangat tinggi, jangan menyisih diri dan sedar bahawa khidmat masih diperlukan.

Teladanilah bahagian Kubang Kerian, apabila Tuan Mohamad Hashim dan Ahmad Rosli membuat pengakuan terbuka bahawa antara mereka tiada masalah, malah Tuan Mohamad Hashim mahu mengadakan majlis penyerahan tugas itu.

"Saya tetap akan berikan sokongan. Saya bukan baru dalam politik. Jatuh bangun sudah biasa saya lalui sejak berkecimpung dalam politik pada 1979, sudah lebih 23 tahun. Semua peringkat atau tangga yang saya naiki bermula dari Pemuda Umno hingga dipilih sebagai Ketua Bahagian Kubang Kerian, banyak sudah ranjau saya lalui.

"Saya dengan Ahmad Rosli tidak bermasalah. Sikap keterbukaan yang kami amalkan selama ini dapat memperkuatkan dan memperkukuhkan Umno Kubang Kerian. Saya terima keadaan secara gentleman," kata Tuan Mohamad Hashim.

"Penyokong Umno di Kelantan ni perlu kerja kuat, tidak seperti di negeri lain. Apabila bercakap soal pembangunan, cukup untuk mereka (Umno di negeri lain) berkempen bahawa pembangunan akan dibawa ke sesuatu kawasan yang dianggap sebagai keperluan masyarakat setempat.

"Tetapi di Kelantan, selepas selesai soal pembangunan, ada perkara lain yang hendak diperbetulkan. Kita perlu memenangi hati keluarga. Pendekatan kita ialah memenangi hati setiap ahli keluarga di sesuatu kawasan.

"Pemimpin Pas mudah saja kerja mereka, hanya perlu memperkatakan soal agama - dosa dan pahala. Pengundi khususnya penyokong taksu mereka akan cair mendengarkan soal pembalasan hari akhirat. Cakap secara mudah, Pas jaga orang mati saja, tetapi Umno perlu jaga orang hidup," katanya.

Mana tidaknya setiap persoalan berkaitan kehidupan bermula daripada soal makanan, peluang pekerjaan dan kerosakan rumah sendiri, persoalan dibebankan kepada Umno, tetapi persediaan selepas hidup di alam barzakh, menjadi tugas pemimpin Pas.

Sebagai ahli Umno yang sayangkan perjuangan parti mereka seharusnya tidak membiarkan rasa tidak puas hati dan kekecewaan hingga mensabotaj parti sanggup melakukan apa saja. Sikap ini mungkin boleh menyenangkan hati seketika, tetapi asasnya Melayu juga rugi. Kalau ia berlaku di Kelantan, Melayu Kelantanlah yang rugi.

Bagaimanapun, kerugian Melayu Kelantan itu lambat laun pasti dirasai Melayu di negeri lain tanpa mengira mereka penyokong kuat Umno atau

menjadi penyokong kepada parti lain.

Walau apapun, perkara penting dalam perjuangan ialah kejujuran kerana dengan perjuangan yang ikhlas akan dapat membendung segala budaya yang boleh memecahkan perpaduan dalam Umno sendiri termasuk budaya cantas mencantas apabila tidak dipilih.

Kepada pengerusi penaja bahagian yang baru itu, gunakan mandat memilih tambahan lima ahli jawatankuasa lebih-lebih lagi golongan profesional agar usaha yang hendak dilakukan terlaksana dengan sempurna.

Seperti kata Mustapa: "Jangan mensia-siakan amanah diberikan, dapat memastikan parti berada dalam keadaan lebih mantap dan memulakan secepat mungkin tanggungjawab itu dengan cergas serta agresif."